



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64

17hb Mac 2011

No. 6

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948
(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948
(Act 92)

No. 497.

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS PERTAMA
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT OF FIRST CLASS MAGISTRATES
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 78(b) Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri atas syor Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual sebagai Majistret Kelas Pertama di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuatkuasa mulai Januari 2011.

In exercise of the powers conferred by paragraph 78(b) of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority on the recommendation of the Chief Judge of the High Court in Malaya, has appointment the officers named in column (1) of the Schedule to be First Class Magistrates in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from 1 January 2011.

JADUAL/SCHEDULE

Emma Syafawati bt. Abdul Wahab
Rabiatul Adawiyah bt. Che Khalid
Noor Akmal bt. Mustafa Kamal
Intan Nurul Farena bt. Zainal Abidin
Nurul Aina bt. Ahmad

Bertarikh 24 Februari 2011
Dated 24 February 2011
[PSUK.PK.(BKP)1A 355/951/2/1 Jld. 5 (43);
PU.Pk. 47/99(A) Jld. 2]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha/Secretary
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 498.

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
APPOINTMENT OF SECOND CLASS MAGISTRATES
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan Majistret Kelas Dua di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuatkuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2).

In exercise of the powers conferred by subsection 79(2) of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to hold the office of Second Class Magistrate in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from the dates set out opposite their respective names specified in column (2).

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Puan Mek Asiah bt. Hj. Hamzah	1.10.2010
Encik Mohd. Sabli bin Bakri	18.10.2010

Bertarikh 9 Februari 2011

Dated 9 February 2011

[PSUK.PK.(PSM)1A 355/487/50/2;

PU.Pk. 47/99(B) Jld. 3]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha/Secretary

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

AKTA KERJA SALIRAN 1954
(Akta 354)

DRAINAGE WORKS ACT 1954
(Act 354)

No. 499.

PELANTIKAN Pengerusi dan Anggota-Anggota
Lembaga Saliran bagi Kawasan Senin
Daerah Perak Tengah

APPOINTMENT OF Chairman and Members of
The Drainage Board for the Area of
Senin District of Perak Tengah

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Kerja Saliran 1954 [Akta 354], Raja dalam Mesyuarat melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk menjadi anggota Lembaga Saliran bagi kawasan Senin, Daerah Perak Tengah sebagaimana yang dinyatakan masing-masing bersempitan dengan nama mereka dalam ruang (2) bagi tahun 2011.

2. Pemberitahuan *Warta Kerajaan* No. 2136 yang disiarkan pada 23 Disember 2010 dibatalkan.

In exercise of the powers conferred by section 4 of the Drainage Works Act 1954 [*Act 354*], the Ruler in Council appoints the officers named in column (1) of the Schedule to be the members of the Drainage Board for the area of Senin, District of Perak Tengah as specified respectively against their names in column (2) for the year 2011.

2. Notification Perak Government *Gazette* No. 2136 published on 23 December 2010 is revoked.

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Pegawai Daerah, Perak Tengah	Pengerusi/Chairman
Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Perak Tengah	Setiausaha/Secretary
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah) Perak Tengah	Ahli/Member
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bota	Ahli/Member
Ahli Parlimen Parit	Ahli/Member
Pegawai Pertanian Daerah Perak Tengah	Ahli/Member
Pengerusi, Pertubuhan Peladang Negeri Perak	Ahli/Member
Penghulu, Mukim Layang-Layang	Ahli/Member
Ketua Kampung, Kampung Senin	Ahli/Member

Bertarikh 16 Februari 2011

Dated 16 February 2011

[PSUK.PK.(BPK)1A 355/951/2/18 Jld. 2(19);

PU.Pk. 67/71-36 Jld. 1]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia/
By His Royal Highness's Command,

DATO' SERI DR. ZAMBRY ABD. KADIR

Menteri Besar

Perak Darul Ridzuan

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

(Akta 171)

No. 500.

(Seksyen 127 dan Seksyen 163)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah seksyen 127 dan seksyen 163, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Taiping dengan kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengenakan bagi tahun 2011, kadar-kadar yang berikut ke atas semua bangunan-bangunan yang terdapat dalam kawasan Majlis Perbandaran Taiping dan bangunan-bangunan yang terletak di atas tanah Kerajaan Negeri atau tanah dirizabkan untuk suatu maksud awam yang juga di dalam kawasan Majlis Perbandaran Taiping dan tidak diduduki oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri:

In exercise of the powers conferred by section 127 and section 163 of the Local Government Act 1976, the Taiping Municipal Council, with the approval of the State Authority, hereby impose for the year 2011, the following rates upon all holdings situated within the Taiping Municipal Council and all holdings situated on State Land or on Land reserved for a public purpose within the Taiping Municipal Council area and not occupied by the Federal Government or the State Government:

Bil.	Kawasan/Area Majlis Perbandaran Taiping	Kadar/Rate %
1.	Taiping	10.5
2.	Jelai	6.5
3.	Changkat Larah	7.5
4.	Pondok Tanjung	7.5
5.	Changkat Jering	7.5
6.	Air Terjun	7.5
7.	Padang Gajah	7.5
8.	Pokok Assam	7.5
9.	Aulong	7.5
10.	Kamunting	7.5
11.	Trong	7.5
12.	Ulu Sepetang	6.5
13.	Sungai Rotan	6.5
14.	Batu Kurau	7.5
15.	Matang	6.5
16.	Simpang	7.5

Bil.	Kawasan/Area Majlis Perbandaran Taiping	Kadar/Rate %
17.	Kampung Pinang	6.5
18.	Kuala Sepetang	5.5
19.	Temerlok	5.5
20.	Sungai Kerang	5.5
21.	Kamunting Baru Tambahan	4.5
22.	Kawasan Perusahaan Kamunting	8.5
23.	Pegangan jenis tanah pertanian tidak dimajukan di seluruh Kawasan Majlis	0

Bertarikh 31 Januari 2011
[M.P.Tpg.C/1/1/2010]

OMOR BIN SAAD
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Taiping

ENAKMEN AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984
(PEMAKAIAN) 1985

NATIONAL FORESTRY ACT 1984 (ADOPTION)
ENACTMENT 1985

No. 501.

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 6

DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 6

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 6 Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [*Akta 313*], Pihak Berkuasa Negeri mewakilkan penjalanan atau pelaksanaan apa-apa kuasa atau kewajipan di bawah seksyen 21 Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 kepada Pengarah Perhutanan Negeri Perak untuk pengeluaran lesen mengambil hasil hutan bagi Pihak Berkuasa Negeri mulai 17 Mac 2011.

Bertarikh 15 Mac 2011
[PPN.PK(S) 16/11; PU.Pk. 67/71-20 Jld.2]

RUMAIZI BIN BAHARIN@MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by section 6 of the National Forestry Act 1984 (Adoption) Enactment 1985 [*Act 313*], the State Authority hereby delegates the exercise or performance of any power or duty under section 21 of the National Forestry Act 1984 (Adoption) Enactment 1985 to the Perak State Director of Forestry to issuance of license to take forest produce on behalf of the State Authority with effect from 17 March 2011.

Dated 15 March 2011

[PPN.PK(S) 16/11; PU.Pk. 67/71-20 Jld.2]

RUMAIZI BIN BAHARIN@MD. DAUD

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

ENAKMEN PERBADANAN TAMAN NEGERI PERAK 2001

PERAK STATE PARKS CORPORATION ENACTMENT 2001

No. 502.

PELANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI

BAGI PERBADANAN TAMAN NEGERI PERAK

APPOINTMENT OF OFFICERS

FOR PERAK STATE PARKS CORPORATION

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(1) dan (3) Enakmen Perbadanan Taman Negeri Perak 2001 [*En. Pk. Bil 10 tahun 2001*], Perbadanan telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual di Perbadanan Taman Negeri Perak berkuatkuasa mulai tarikh yang dinyatakan bersetentang dengan nama mereka masing-masing dalam ruangan (3).

In exercise of the powers conferred by subsections 17(1) and (3) of the Perak State Parks Corporation Enactment 2001 [*Pk. En. No 10 of 2001*], the Corporation has appointed the officers named in column (1) of the Schedule in the Perak State Parks Corporation with effect from dates set out opposites their respective names in column (3).

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Cik Nurawana binti Kamaruddin	Pembantu Tadbir Kewangan (W17)	1.10.2010
Encik Jefri a/l Tapong	Pekerja Rendah Awam (R1)	1.11.2010
Encik Che Mat bin Titik	Pekerja Rendah Awam (R1)	1.11.2010
Encik Mazlan bin Peraloh	Pekerja Rendah Awam (R1)	1.11.2010
Encik Mustapa a/l Ramlee	Pekerja Rendah Awam (R1)	1.11.2010
Encik Abdul Aziz bin Ahmad	Renjer Hutan (G17)	15.11.2010
Encik Azwan bin Abdul Aziz	Renjer Hutan (G17)	15.11.2010
Encik Muhamad Azrul bin Mustafa	Renjer Hutan (G17)	15.11.2010
Encik Mohamad Suzatul Firdaus bin Mohd Saad	Renjer Hutan (G17)	15.11.2010
Encik Khairul Azmi bin Mohamad Taharin	Renjer Hutan (G17)	15.11.2010

2. Pelantikan ini hendaklah berkuatkuasa selagi pegawai-pegawai tersebut memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

2. The appointment shall be affected since the said officer holding the office specified in column (2) of the Schedule.

Bertarikh 12 Januari 2011
[PTNPk/W/300/16 Bil.(75) dlm. 2010]

DATO' SERI DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR

Pengerusi/Chairman

Perbadanan Taman Negeri Perak/Perak State Parks Corporation

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 503.

PELANTIKAN PENOLONG PENTADBIR TANAH
DAN TIMBALAN PENDAFTAR HAKMILIK DI DAN
BAGI DAERAH-DAERAH/NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT OF ASSISTANT LAND ADMINISTRATOR
AND DEPUTY REGISTRAR OF TITLE IN AND
FOR DISTRICT/STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik

pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuatkuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka dalam ruang (3) bagi maksud Kanun itu.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [*Act 56 of 1965*], the State Authority has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to hold the offices specified in column (2) with effect from the dates set out opposite their names specified in column (3) for the purposes of the said Code.

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Puan Mek Asiah bt. Hj. Hamzah	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan	1.10.2010
Encik Mohd. Sabli bin Bakri	Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Daerah Batang Padang	18.10.2010
Puan Hasnah bt. Paker	Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Daerah Kecil Sungai Siput (U)	1.9.2008
Puan Masturah bt. Nasoha	Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Daerah Kampar	1.9.2010

Bertarikh 9 Februari 2011

Dated 9 February 2011

[PSUK.PK.(PSM)1.A.355/487/50/2; PU.PK. 39/2005;

PU.Pk. 51/99 Jld.4]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha/Secretary

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 504.

PELANTIKAN PEGAWAI PETEMPATAN
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT OF SETTLEMENT OFFICER
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan sebagai Pegawai Petempatan di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuatkuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2).

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [*Act 56 of 1965*], the State Authority has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to hold the offices of Settlement Officer in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from the dates set out opposite their respective names specified in column (2).

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Encik Khairul Anwar bin Khushairi	17.5.2010
Encik Mohd Ridzuan bin Zainal Abidin	17.5.2010
Encik Mohd Helmi bin Abdullah	1.6.2010
Encik Muhamad Naim bin Ali Azmi	17.5.2010
Encik Shahaudin bin Abd Wahab	17.5.2010
Encik Badrul Zaman bin Zamzuri	17.5.2010

Bertarikh 9 Februari 2011
Dated 9 February 2011
[PSUK.PK.(PSM)1.A.355/487/49/1;
PU.Pk. 9/05]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha/Secretary
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 505.

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13
DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 13

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri mewakili kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak untuk meluluskan atau menolak permohonan seperti yang berikut:

Bil.	Kuasa yang diwakilkan	Orang yang diwakilkan kuasa dan tugas
1.	Perwakilan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri untuk melulus/menolak permohonan perolehan hartanah oleh warga-negara asing di Pentadbiran Tanah Negeri Perak	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak
2.	Perwakilan kuasa ini hendaklah berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam <i>Warta</i> .	

Bertarikh 31 Januari 2011
[PTG.PK. 800-3 SJ.1(K); PU.Pk. 67/71-20 Jld.2]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by section 13 of the National Land Code 1965 [*Act 56 of 1965*], the State Authority delegates to the Director of Lands and Mines, Perak to approve or reject application in the following manner:

No.	Powers delegated	Person delegated with powers and duties
1.	Delegation of powers to the Director of Lands and Mines, Perak to Approved/ reject the Acquisition of properties by foreigners in the Land Administration of Perak.	Director of Lands and Mines, Perak

2. This delegation of powers shall take effect on the date of its publication in the *Gazette*.

Dated 31 January 2011
[PTG.PK. 800-3 SJ.1(K); PU.Pk. 67/71-20 Jld.2]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 506.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD KEGUNAAN AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Redang Panjang, Mukim Hulu Ijok, Daerah Selama yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Taman Permainan Kanak-Kanak dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Selama.

JADUAL

Daerah—Selama. Mukim—Hulu Ijok. No. Pelan—P.A. 107726. No. Lot—8080.
Luas—1,092 meter persegi.

Bertarikh 27 Januari 2011
[PTG.PK. 242/4-27 (C); PT.SEL.A/9/IJ/1/02;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 35]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Rendang Panjang, Mukim of Hulu Ijok, District of Selama described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Children's Playground and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Selama District Council.

SCHEDULE

District—Selama. Mukim—Hulu Ijok. Plan No.—P.A. 107726. Lot No.—8080. Area—1,092 square metres.

Dated 27 January 2011

[PTG.PK. 242/4-27 (C); PT.SEL.A/9/IJ/1/02;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 35]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

No. 507.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD KEGUNAAN AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Sungai Terap, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Simpanan Khas dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Batu Gajah.

JADUAL

1. Taman Mewah Indah

Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Terap. No. Pelan—P.A. 82828. No. Lot—216931. Luas—2,124 meter persegi.

2. Taman Dataran Bemban Jaya
Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Terap. No. Pelan—P.A. 86406. No.
Lot—305296. Luas—1,234 meter persegi.

Bertarikh 28 Januari 2011
[PTG.Pk. 239/4-35 Jld. 2 (C); KT. 33/3-6030;
PU.PK. 67/71-54 Jld. 27]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Sungai Terap, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Special Reserve and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Batu Gajah District Council.

SCHEDULE

1. Taman Mewah Indah
District—Kinta. Mukim—Sungai Terap. Plan No.—P.A. 82828. Lot
No.—216931. Area—2,124 square metres.
2. Taman Dataran Bemban Jaya
District—Kinta. Mukim—Sungai Terap. Plan No.—P.A. 86406. Lot No.—
305296. Area—1,234 square metres.

Dated 28 January 2011
[PTG.Pk. 239/4-35 Jld. 2 (C); KT. 33/3-6030;
PU.PK. 67/71-54 Jld. 27]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 508.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD KEGUNAAN AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Skim Perumahan Mukim Sungai Terap, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Tanah Lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Batu Gajah.

JADUAL

1. Taman Changkat
Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Terap. No. Pelan—P.A. 77021. No. Lot—220143. Luas—348 meter persegi.
2. Taman Permai
Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Terap. No. Pelan—P.A. 76105. No. Lot—214559. Luas—340 meter persegi.
3. Taman Permai
Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Terap. No. Pelan—P.A. 76106. No. Lot—214560. Luas—1,472 meter persegi.
4. Taman Permai
Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Terap. No. Pelan—P.A. 76106. No. Lot—214561. Luas—115 meter persegi.
5. Taman Pusing Mewah
Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Terap. No. Pelan—P.A. 78831. No. Lot—300154. Luas—8,423 meter persegi.

Bertarikh 28 Januari 2011
[PTG.PK. 239/4-35 (C); KT.33/1-6023;
PU.Pk 67/71-54 Jld. 34]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Housing Scheme Mukim of Sungai Terap, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Open Space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Batu Gajah District Council.

SCHEDULE

1. Taman Changkat
District—Kinta. Mukim—Sungai Terap. Plan No.—P.A. 77021. Lot No.—220143. Area—348 square metres.
2. Taman Permai
District—Kinta. Mukim—Sungai Terap. Plan No.—P.A. 76105. Lot No.—214559. Area—340 square metres.
3. Taman Permai
District—Kinta. Mukim—Sungai Terap. Plan No.—P.A. 76106. Lot No.—214560. Area—1,472 square metres.
4. Taman Permai
District—Kinta. Mukim—Sungai Terap. Plan No.—P.A. 76106. Lot No.—214561. Area—115 square metres.
5. Taman Pusing Mewah
District—Kinta. Mukim—Sungai Terap. Plan No.—P.A. 78831. Lot No.—300154. Area—8,423 square metres.

Dated 28 January 2011
[PTG.PK. 239/4-35 (C); KT.33/1-6023;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 34]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 509.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD KEGUNAAN AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak

tanah yang terletak di Mukim Sungai Terap, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Rizab Kerajaan dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Batu Gajah.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Terap. No. Pelan—P.A. 78831. No. Lot—300156.
Luas—1,066 meter persegi.

Bertarikh 28 Januari 2011
[PTG.PK. 239/4-35(C); KT. 33/1-6084;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 34]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Sungai Terap, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Government Reserve and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Batu Gajah District Council.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Sungai Terap. Plan No.—P.A. 78831. Lot No.—300156.
Area—1,066 square metres.

Dated 28 January 2011
[PTG.PK. 239/4-35 (C); KT. 33/1-6084;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 34]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 510.

[Subseksyen 64(1)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(1)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan Bil. 1176 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 8 Julai 2010, notis telah diberi mengenai cadangan

untuk membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual sebagai tapak untuk Surau yang akan diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak dan dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak;

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut;

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membatalkan perizaban tersebut yang diperihalkan dalam Jadual.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—P.A. 87534. No. Lot—312195. Luas—919 meter persegi.

Bertarikh 28 Januari 2011
[PTG.PK.239/7-446(C); PTK(i) 13/20/06;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 35]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Whereas, by Notification No. 1176 published in the Perak Government *Gazette* on 8 July 2010, notice was given of the intention to revoke the reservation of the land described in the Schedule as a site for a “Surau” to be maintained by the Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak and controlled by the State Secretary of Perak;

And whereas, no objection to the proposal to revoke the said reservation had been received;

Now therefore, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code 1965 [*Act 56 of 1965*], the State Authority hereby revokes the reservation of the land as described in the Schedule.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—P.A. 87534. Lot No.—312195.
Area—919 square metres.

Dated 28 January 2011
[PTG.PK.239/7-446(C); PTK(i) 13/20/06;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 35]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 511.

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 31 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* bertarikh 9 Januari 1958, Raja dalam mesyuarat pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 24 Kanun Tanah, telah mengisytiharkan bahagian tanah yang terletak di Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan Ukur No. 21,732 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Perak bagi maksud kegunaan awam iaitu sebagai tapak rumah pekerja yang diselenggarakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri;

Dan bahawasanya, adalah kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban tanah yang disebut terdahulu itu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu mengenai cadangan untuk membatalkan seluruh perizaban tanah tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perak dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Kerian, Parit Buntar pada 28 Mac 2011 jam 9.30 pagi hingga 1.00 petang.

JADUAL

Daerah—Kerian. Mukim—Parit Buntar. No. Pelan—21,732. No. Lot—2628.
Luas—1922 meter persegi.

Bertarikh 17 Februari 2011
[PTG.PK.407/6-12 Bhg. 3(B); Pk. Sec.(L) 3842/52;
Krian 853/52; PU.Pk. 67/71-54 Jld. 35]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Whereas, by Notification No. 31 published in the Perak Government *Gazette* dated 9 January 1958, Ruler In Council in exercise of the powers vested in him by section 24 of the Land Code, proclaimed the parcel of land situated at Station Road, Parit Buntar, District of Kerian described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 21,732 deposited in the Office of the Director of Survey, Perak for the public purpose, namely as the site for labourers line and garage to be maintained by the State Secretary, Perak;

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code 1965 [*Act 56 of 1965*], the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke the reservation described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Land and Mines, Perak in an inquiry to be held at in Meeting Room, District and Land Office of Kerian, on 28 March 2011 at 9.30 a.m. to 1.00 p.m.

SCHEDULE

District—Kerian. Mukim—Parit Buntar. Plan No.—21,732. Lot No.—2628.
Area—1922 square metres.

Dated 17 February 2011
[PTG.Pk.407/6-12 Bhg. 3(B); Pk. Sec.(L) 3842/52;
Krian 853/52; PU.Pk. 67/71-54 Jld. 35]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 512.

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 1411 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* bertarikh 11 November 1982, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 62(1) Kanun Tanah Negara 1965, telah mengisytiharkan bahagian tanah yang terletak di Jalan Stesyen, Parit Buntar, Daerah Kerian yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan Ukur Bil. P.A. 08-059122 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Perak bagi maksud kegunaan awam iaitu sebagai tapak untuk Rumah Jabatan Pertanian, Parit Buntar yang diselenggarakan oleh Pengarah Pertanian Negeri Perak;

Dan bahawasanya, adalah kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban tanah yang disebut terdahulu itu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu mengenai cadangan untuk membatalkan seluruh perizaban tanah tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perak dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Kerian, Parit Buntar pada 28 Mac 2011 jam 9.30 pagi hingga 1.00 petang.

JADUAL

Daerah—Kerian. Mukim—Parit Buntar. No. Pelan—08-059122. No. Lot—4310.
Luas—2035 meter persegi.

Betarikh 17 Februari 2011

[PTG.PK.407/6-12 Bhg. 3(B); PT Kerian (D) 202/77;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 35]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Perak Darul Ridzuan

Whereas, by Notification No. 1411 published in the Perak Government *Gazette* dated 11 November 1982, the State Authority in exercise of the powers vested in him by section 62(1) of the National Land Code 1965, proclaimed the parcel of land situated at Station Road, Parit Buntar, District of Kerian described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. PA 08-059122 deposited in the Office of the Director of Survey, Perak for the public purpose, namely as the site for Agricultural Department Quarters, Parit Buntar to be maintained by the Director of Agriculture Perak;

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code 1965 [*Act 56 of 1965*], the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke the reservation described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Land and Mines, Perak in an inquiry to be held at Meeting Room, District and Land Office of Kerian, on 28 March 2011 at 9.30 a.m. to 1.00 p.m.

SCHEDULE

District—Kinta. District—Parit Buntar. Plan No.—08-059122. Lot No.—4310. Area—2035 square metres.

Dated 17 February 2011
[PTG.Pk.407/6-12 Bhg. 3(B); PT Kerian (D) 202/77;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 34]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 513.

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN SEBAHAGIAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED PARTIAL REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 1423 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu* pada 18 November 1954, Raja dalam Mesyuarat pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen

24(i) Kanun Tanah, telah merizabkan bahagian tanah yang terletak di Wilayah Chemor, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan Hasil Ukur No. 20283 yang disimpan di Pejabat Ketua Juru Ukur, Perak bagi maksud rizab Majlis Bandaran yang dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Perak;

Dan bahawasanya, adalah kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban yang tersebut terdahulu itu dibatalkan sebahagian sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu mengenai cadangan untuk membatalkan sebahagian perizaban tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perak dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh pada 29 Mac 2011, jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari.

Pemberitahuan No. PK. GN. 1502 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 2 September 2010 adalah dibatalkan.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—P.W. 1963. No. Lot—935. Luas—3,858 ekar.

Bertarikh 23 Februari 2011

[PTG.PK.239/7-255; PUPkW,5/2010(2); PTK(I) 13/11/93;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 35]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Perak Darul Ridzuan

Whereas, by Notification No. 1423 published in the Federation of Malaya Government *Gazette* on 18 November 1954, the Ruler in Council in exercise of the powers conferred upon him subsection 24(i) of the Land Code, proclaimed that the parcel of land situated in Chemor, Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta, described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 20283 deposited in the office of the Chief Surveyor, Perak, to be a reserve for the purpose of Town Board Reserve to be controlled by the State Secretary of Perak;

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be partial revoked as described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code 1965 [*Act 56 of 1965*], the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to partial revoke the reservation described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Land and Mines, Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office of Kinta, Ipoh on 29 March 2011 at 8.00 a.m. to 1.00 p.m.

Notification No. PK. GN. 1502 published in the Perak Government *Gazette* on 2 September 2010 is revoked.

SCHEDULE

District—Kinta. District—Hulu Kinta. Plan No.—P.W. 1963. Lot No.—935. Area—3,858 acres.

Dated 23 February 2011

[PTG.PK.239/7-255(C); PUPkW,5/2010(2); PTK(I) 13/11/93;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 35]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

No. 514.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri:

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul dipadamkan, dan
- (b) suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Mukim—Blanja. No. Lot—11607. Luas—1.7531 hektar. Jenis dan No. Hakmilik—Geran Mukim 2405.

Bertarikh 14 Februari 2011
[PTSI. 08/01-02-15/08]

MOHD ROSLAN BIN MAT LODIN
*Pentadbir Tanah Daerah
Perak Tengah*

No. 515.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri:

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul dipadamkan, dan
- (b) suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Mukim—Blanja. No. Lot—12276. Luas—0.1178 hektar. Jenis dan No. Hakmilik—Geran Mukim 3479.

Bertarikh 18 Februari 2011
[PTSI. 08/01-02-20/08]

MOHD ROSLAN BIN MAT LODIN
*Pentadbir Tanah Daerah
Perak Tengah*

No. 516.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri:

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul dipadamkan, dan
- (b) suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Bandar/Pekan atau Mukim—Kampong Gajah. No. Lot—3095. Luas—2.1667 hektar. Jenis dan No. Hakmilik—Geran Mukim 630.

Bertarikh 21 Februari 2011
[PTKG.H/10/08 sj. 11]

MOHD ROSLAN BIN MAT LODIN
*Pentadbir Tanah Daerah
Perak Tengah*

No. 517.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri:

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Slim. No. Lot—5713. Luas—404 meter persegi. Perihal dan No. Hakmilik—P.N. 31119.

Bertarikh 25 Februari 2011
[PTSR(H) 89 SK7]

HAJI RAZALI BIN BAKAR
*Pentadbir Tanah Daerah
Batang Padang*

No. 518.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijudualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri:

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Slim. No. Lot—5712. Luas—400 meter persegi. Perihal dan No. Hakmilik—P.N. 31118.

Bertarikh 25 Februari 2011
[PTSR(H) 89 SK7]

Haji Razali Bin Bakar
*Pentadbir Tanah Daerah
Batang Padang*

No. 519.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijudualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri:

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Chenderiang. No. Lot—2095. Luas—1.2571 hektar. Perihal dan No. Hakmilik—G.M. 649.

Bertarikh 25 Februari 2011
[PTBP(H) 6/246/1]

Haji Razali Bin Bakar
*Pentadbir Tanah Daerah
Batang Padang*

No. 520.

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK
MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN
YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan dokumen hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan ini dibuat kerana Dokumen Hakmilik Keluaran yang tersebut di bawah telah hilang.

JADUAL

Mukim—Rungkup. No. Hakmilik—G.M. 3927. No. Lot—2610. Luas—2.5546 hektar. Nama tuan punya berdaftar—Aminah bt. Hashim 1/20 bhg., Hawa bt. Hashim 1/20 bhg., Esah bt. Hashim 1/20 bhg., Ishah bt. Hashim 1/8 bhg., Hawa bt. Hashim 1/8 bhg., Sleman b. Hashim 1/8 bhg., Sleman b. Hashim 3/40 bhg., Hawa bt. Hashim 3/40 bhg., Aminah bt. Hashim 3/40 bhg., Ishah b. Hashim 3/40 bhg. dan Kamarul Bahrin b. Mahyuddin 7/40 bhg.

Bertarikh 27 Disember 2010
[PTHP 7/3/79/6-PTHP 7/11214]

MOHD. AMZARI BIN MOHD ARZAMI
*b.p. Pentadbir Tanah
Hilir Perak*

No. 521.

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK
MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN
YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan dokumen hakmilik dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik diakui hilang oleh pemilik.

JADUAL

Mukim—Sg. Terap. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 1167. No. P.T.—7074. Luas—93 meter persegi. Nama tuan punya tanah—Gunendran a/l M Kumarasamy, Staff Qrts Eagle Hurst, Estate Pondok Tanjung, 34010 Taiping.

Bertarikh 7 Februari 2011
[KD. 13/2-344]

SAIDAH BINTI ABU SAHIT
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah
Kinta*

No. 522.

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK
MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN
YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan dokumen hakmilik dikeluarkan bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik diakui hilang oleh pemilik.

JADUAL

